

Headline	Kenaikan tarif elektrik belum cukup biayai kos TNB		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	28 Dec 2013	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 623
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,869



# Kenaikan tarif elektrik belum cukup biayai kos TNB

PUTRAJAYA, Jumaat – Kenaikan tarif elektrik baharu berkuat kuasa 1 Januari 2014, masih tidak mencukupi untuk menampung kos dan perbelanjaan Tenaga Nasional Bhd (TNB), kata Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ir. Ahmad Fauzi Hasan.

"TNB masih perlu meminum jam untuk bangunkan infrastruktur berikutan infrastruktur sedia ada di Semenanjung Malaysia sudah berusia, dengan sistem pembekalan atau penghantaran baharu perlu dibangunkan dari selatan ke Lembah Klang, yang memerlukan perbelanjaan berbilion-bilion ringgit.

"Begitu juga loji jana kuasa

baharu perlu dibina dan ini membabitkan banyak sumber kewangan untuk 20 tahun akan datang, terutama semakin banyak loji jana kuasa yang ditamatkan operasi akibat tamat tempoh," katanya.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita pada 'Sesi Penerangan Penetapan Tarif Elektrik Di Semenanjung Malaysia' yang disertai lebih 40 wakil dari Persatuan Industri dan Pengguna di sini, hari ini.

Beliau berkata, TNB membelanjakan sekitar RM6 bilion hingga RM 7 bilion setiap tahun untuk perbelanjaan modal dan penyenggaraan infrastruktur, berbanding keun-

tungan direkodkan tahun ini sebanyak RM4.6 bilion.

Menurut Ahmad, sebagai agensi kawal selia, Suruhanjaya Tenaga akan memantau secara teliti kecekapan operasi dan setiap perbelanjaan TNB mulai tahun hadapan.

"Setiap bulan, TNB perlu melaporkan kepada Suruhanjaya Tenaga berhubung prestasi kualiti perkhidmatan, kos-kos yang terbabit. Tahun depan pula, Suruhanjaya Tenaga akan lebih rapi memantau kos-kos yang dibiayai oleh TNB untuk membekalkan elektrik.

"Kita akan pastikan hanya kos-kos yang efisien atau cekap sahaja yang boleh dima-

sukkan ke dalam tarif. Kos-kos yang tidak efisien, tidak dibenarkan masuk ke dalam tarif," katanya.

Berkuat kuasa 1 Januari purata tarif elektrik di Semenanjung Malaysia akan naik sebanyak 4.99 sen/kwj kepada 38.53 sen/kwj daripada 33.54 sen/kwj pada masa ini.

Sebelum ini, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Datuk Seri Azman Mohd berkata, tarif elektrik baharu itu merupakan sebahagian daripada program rasionalisasi subsidi kerajaan untuk mengukuhkan fiskal dan ia perlu untuk kebaikan jangka panjang ekonomi negara. – Bernama